A

Romlee bin Osman lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (ALOR SETAR) — RJK 42S-04–02 TAHUN 2016
HASHIM HAMZAH H
20 NOVEMBER 2017

C *Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Perayu dituduh atas kesalahan rogol — Mahkamah sesyen mensabitkan perayu bersalah dan menjatuhkan hukuman 14 tahun penjara dan lapan sebatan rotan — Sama ada terdapat percanggahan fakta material — Sama ada perayu berjaya menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan — Alibi*
D *— Kegagalan memberi notis berdasarkan s 402A(4) Kanun Tatacara Jenayah kepada pendakwa raya — Sama ada keterangan boleh dipertimbangkan — Sama ada hukuman yang dijatuhkan oleh hakim mahkamah sesyen setimpal — Kanun Keseksaan s 376(1) — Kanun Tatacara Jenayah s 402A(4)*

E Perayu telah dituduh atas kesalahan rogol yang boleh dihukum di bawah s 376(1) Kanun Keseksaan. Di akhir kes pembelaan, hakim mahkamah sesyen telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap tertuduh dan menjatuhkan hukuman 14 tahun penjara dari tarikh sabitan dan lapan sebatan rotan. Perayu
F telah merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap sabitan dan juga hukuman. Perayu telah berhujah bahawa masa kejadian rogol berlaku mengikut keterangan mangsa ('SP6') adalah tidak sama dengan pertuduhan terhadap perayu. SP6 menyatakan kejadian rogol berlaku pada waktu siang sedangkan mengikut pada pertuduhan asal, kesalahan dikatakan telah dilakukan pada
G waktu malam. Setelah disemak rekod rayuan, sememangnya terdapat pertuduhan pindaan yang telah dikemukakan terhadap perayu berkenaan masa kejadian berlaku iaitu pada waktu malam dipinda kepada waktu siang. Semasa pemeriksaan utama, perayu mengaku balik ke rumah di antara jam 11 pagi ke 2 petang dan semasa pemeriksaan balas, perayu menyatakan tidak
H pernah merogol mangsa kerana keluar berniaga ayam dan hanya pulang ke rumah pada jam 2.30 petang. Isteri perayu ('SD3') memberikan keterangan bagi menyokong alibi perayu tetapi tiada apa-apa notis alibi dimasukkan dalam rekod rayuan. Perayu membangkitkan alasan masa kejadian rogol berlaku dan keterangan saksi pembelaan perayu sebagai hujahan.

I **Diputuskan,** menolak rayuan perayu; mengekalkan keputusan mahkamah sesyen:

(1) Perayu tidak merujuk kepada pertuduhan asal dalam petisyen rayuan. Semasa perbicaraan, melalui keterangan perayu dan saksi-saksi

pembelaan, pembelaan perayu menjurus ke tarikh dan masa pertuduhan pindaan. Oleh itu, hujahan peguambela perayu berkenaan masa kejadian rogol berlaku adalah tidak berasas (lihat perenggan 15–16).

(2) Terdapat percanggahan pada keterangan perayu semasa pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas. Semasa pemeriksaan utama, perayu mengakui bahawa perayu ada balik ke rumah di antara jam 11 pagi ke 2 petang di mana perayu ada melihat isterinya dan SP6 berada dalam rumah. Semasa pemeriksaan balas pula, perayu menyatakan dia tidak pernah merogol mangsa kerana keluar berniaga ayam dan hanya pulang pada jam 2.30 petang. Percanggahan material yang merupakan inti pati pembelaan perayu tidak berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan (lihat perenggan 19–20 & 22).

(3) Memandangkan tiada notis alibi dikemukakan kepada pihak pendakwa raya, pihak polis telah dinafikan hak untuk menyiasat kesahihan alibi tersebut dan oleh itu keterangan untuk menyokong alibi perayu melalui keterangan SD3 tidak boleh dipertimbangkan (lihat perenggan 26).

(4) Berdasarkan keseluruhan faktor pemberat dan peringanan hukuman, dan juga fakta kes, hukuman penjara selama 14 tahun dan lapan sebatan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh perayu (lihat perenggan 29).

[English summary

The appellant was charged with the offence of rape punishable under s 376(1) of the Penal Code. At the end of the defence case, the sessions court judge found that the prosecution had succeeded in proving the case beyond reasonable doubt against the accused and had sentenced him to 14 years of imprisonment from the date of conviction and eight strokes of whipping. The appellant had appealed to the High Court against conviction and also punishment. The appellant had argued that the time of rape occurred according to the victim's ('SP6') statement was not the same as the charge to the appellant. SP6 stated that the rape occurred during the day while according to the original charge, the offence was said to have taken place at night. After reviewing the record of appeal, there were indeed an amended charge filed against the appellant regarding the time of the offence that is during the night time amended to during the daytime. During the examination-in-chief, the appellant had admitted to returning home between 11am and 2pm and during the cross-examination, the appellant stated that he had never raped the victim as he was out selling poultry and only returned home at 2.30pm. The appellant's wife ('SD3') gave a statement to support the alibi of the appellant however no alibi notice was included in the record of appeal. The appellant had raised the ground of the time of which the rape had occurred and the appellant's defence witness statement as the submission.

Held, dismissing the appellant's appeal; maintaining the sessions court decision:

(1) The appellant did not refer to the original charge in the petition of appeal. During the trial, through the statement of the appellant and defence witnesses, the appellant's defence was made towards the date and time of the amended charge. Therefore, the appellant's argument regarding the time of the rape had occurred was unfounded (see paras 15–16).

(2) (2) There were contradictions to the appellant's evidence during the examination-in-chief and cross-examination. During the examination-in-chief, the appellant admitted that he had returned home between 11am and 2pm where he saw his wife and SP6 in the house. During the cross-examination, the appellant stated that he had never raped the victim as he was out selling poultry and only returned home at 2.30pm. The material contradiction that constituted the essence of the appellant's defence failed to raise reasonable doubt on the prosecution's case (see paras 19–20 & 22).

(3) Since there was no alibi notice submitted to the prosecution, the police had been denied the right to investigate the validity of the said alibi and therefore the evidence to support the appellant's alibi through the statement of SD3 cannot be considered (see para 26).

(4) Based on the totality of the aggravating and mitigating factors for sentencing, as well as the facts of the case, the 14 years of imprisonment and eight strokes of whipping were adequate with the offence committed by the appellant (see para 29).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai rayuan terhadap sabitan dan hukuman, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 321–500.

Kes-kes yang dirujuk

Mohamed bin Kasdi v PP [1969] 1 MLJ 135 (diikut)
Ong Lai Kim v PP and other appeals [1991] 3 MLJ 111, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Muhamad Abdul Rahim bin Adnan dan satu lagi [2008] 7 MLJ 883; [2007] 9 CLJ 672, MT (dirujuk)
Pendakwa Raya lwn Sukveer Singh a/l Bealdave Singh [2015] MLJU 865; [2015] 7 CLJ 825; (2015) AMEJ 1201, MT (dirujuk)
PP v Loo Choon Fatt [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102 (dirujuk)
PP v William Ayau [2005] 4 MLJ 328, MT (dirujuk)
R v Ball (1951) 35 Cr App Rep 164, MR (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kanun Tatacara Jenayah s 402A(4)

Badrul Hisham bin Abdullah (Badrul, Samad, Faik & Co) bagi pihak perayu. Norshuhada bt Mohd Yatim (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Kedah) bagi pihak responden.

Hashim Hamzah H:

PENGENALAN

[1] Perayu telah dituduh bersama dengan seorang lagi iaitu Mohammad Rizal bin Romlee (tertuduh di dalam Kes 62JS-6–3 Tahun 2014) di Mahkamah Sesyen Sungai Petani, Kedah. Perbicaraan dijalankan bersekali.

[2] Di akhir kes pendakwaan, kedua-dua tertuduh telah dipanggil untuk membela diri. Di akhir kes pembelaan, hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap tertuduh-tertuduh dan menjatuhkan hukuman 14 tahun penjara dari tarikh sabitan dan lapan sebatan rotan masing-masing. Walau bagaimanapun pelaksanaan hukuman ditangguhkan sehingga keputusan rayuan ini.

[3] Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut telah merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap sabitan dan juga hukuman. Setelah mendengar hujah kedua-dua pihak dan meneliti keseluruhan rekod rayuan, saya telah menolak rayuan perayu dan mengekalkan keputusan HMS.

LATAR BELAKANG KES

[4] Setelah dipinda, pertuduhan terhadap perayu, jika dilihat pada rekod rayuan tambahan, adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu di antara 1 Februari 2014 hingga 7 Februari 2014 di antara jam lebih kurang 11.00 pagi hingga 2.00 petang di rumah nombor 59, Lorong 3, Taman Sejahtera Rakyat, Sungai Toh Pawang, Bedong, di dalam daerah Kuala Muda, di dalam negeri Kedah Darul Aman telah merogol Zamzarini bt Che Ani, No KP: 920830-02-5760. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

[5] Fakta ringkas kes adalah seperti berikut. Mangsa iaitu Zamzarini bt Che Ani ('SP6') mendakwa bahawa dia telah dirogol oleh perayu (bapa kepada sepupu tirinya) sekitar 1–7 Februari 2014 pada waktu siang, di dalam rumah tempat kejadian yang merupakan rumah perayu.

[6] Menurut SP6, pada waktu siang di antara tarikh tersebut, perayu telah datang kepadanya di bahagian dapur. Perayu telah mengugutnya, meraba tubuhnya, dan menghisap buah dadanya. SP6 menyatakan bahawa perayu telah kemudiannya membuka seluar yang dipakai SP6 dan terus merogolnya di mana ketika itu SP6 sedang duduk di atas kerusi. Menurut SP6, perayu tidak memancutkan air maninya. Setelah selesai, perayu menyuruh SP6 untuk tidak beritahu sesiapa termasuk isteri perayu. Tiada kerelaan di pihak SP6 terhadap kejadian rogol tersebut.

[7] SP6 telah memaklumkan perkara ini kepada SP3 (ibu saudara SP6) dan SP4 (nenek SP6) pada 8 Februari 2014. Laporan polis telah dibuat oleh SP3 pada 18 Februari 2014 seperti mana eksh P3.

[8] SP6 telah kemudiannya dirujuk kepada Dr Chandran a/l Sinnasamy (SP5) untuk pemeriksaan pada tarikh 18 Februari 2014. Hasil pemeriksaan oleh SP5 mendapati terdapatnya kesan koyakan lama di kedudukan jam 3 dan 9. SP5 juga mendapati lapisan *hymen* SP6 hampir tidak kelihatan walaupun ada kesan koyakan di mana SP5 berpendapat berlakunya hubungan seks yang kerap dalam satu jangka masa yang panjang. Menurut SP5 lagi, koyakan lama pula bermaksud koyakan *hymen* selepas jangka masa dua ke tiga hari. SP6 juga telah dirujuk kepada SP7 dan SP10 untuk pemeriksaan psikiatri.

[9] Tangkapan terhadap perayu telah dibuat oleh SP1 pada 28 Februari 2014 jam lebih kurang 9.30 malam. Siasatan telah dijalankan oleh pegawai penyiasat kes iaitu SP9.

PETISYEN RAYUAN

[10] Perayu di dalam petisyen rayuannya membangkitkan alasan-alasan mengapa perayu tidak berpuas hati dengan keputusan HMS.

[11] Setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, saya berpendapat bahawa terdapat dua isu penting untuk diputuskan dalam rayuan ini.

RAYUAN PERAYU TERHADAP SABITAN

Masa kejadian rogol tersebut berlaku

[12] Berkenaan dengan isu ini, peguambela perayu berhujah bahawa masa kejadian rogol berlaku mengikut keterangan SP6 adalah tidak sama dengan pertuduhan. Hal ini kerana SP6 menyatakan bahawa kejadian rogol oleh perayu dikatakan berlaku pada waktu siang sedangkan pada pertuduhan asal terhadap perayu, kesalahan dikatakan telah dilakukan pada waktu malam.

[13] Pertuduhan asal terhadap perayu adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 1hb Februari 2014 hingga 7hb Februari 2014 di antara jam lebih kurang 8.00 malam hingga 10.00 malam di rumah No 59, Lorong 3, Taman Sejahtera Rakyat, Sungai Toh Pawang, Bedong, di dalam daerah Kuala Muda di dalam Negeri Kedah Darulaman didapati telah merogol Zamzarini Bt Che Ani, No K/P: 920830-02-5760 yang berumur 21 tahun 5 bulan. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

[14] Namun begitu, setelah disemak rekod rayuan, sememangnya terdapat pertuduhan pindaan yang telah dikemukakan terhadap perayu, seperti berikut:

> Bahawa kamu di antara 1 Februari 2014 hingga 7 Februari 2014 di antara jam lebih kurang 11.00 pagi hingga 2.00 petang di rumah nombor 59, Lorong 3, Taman Sejahtera Rakyat, Sungai Toh Pawang, Bedong, di dalam daerah Kuala Muda, di dalam negeri Kedah Darul Aman telah merogol Zamzarini bt Che Ani, No KP: 920830-02-5760. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan.

[15] Tambahan pula, perayu tidak merujuk kepada pertuduhan asal dalam petisyen rayuannya. Selanjutnya, semasa perbicaraan, melalui keterangan perayu dan saksi-saksi pembelaan, jelas pembelaan perayu menjurus ke tarikh dan masa pertuduhan pindaan tersebut.

[16] Oleh itu, saya berpendapat bahawa hujahan peguambela perayu berkenaan isu ini adalah tidak berasas sama sekali.

Pembelaan perayu

[17] Isu berkenaan dengan pembelaan perayu ini tidak dihujahkan oleh pihak-pihak dalam rayuan ini walaupun disentuh dalam petisyen rayuan. Isu yang dibangkitkan adalah sama ada HMS terkhilaf apabila gagal memberi pertimbangan sewajarnya terhadap keterangan saksi-saksi pembelaan yang menyokong pembelaan perayu.

[18] Walaupun isu ini tidak dihujahkan, saya berpendapat isu ini adalah penting untuk dikupas bagi tujuan rayuan ini.

Pembelaan perayu yang bercanggah

[19] Terdapat percanggahan pada keterangan perayu di peringkat perbicaraan, iaitu semasa pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas.

[20] Semasa pemeriksaan utama, perayu mengakui bahawa perayu ada balik ke rumah di antara jam 11 pagi ke 2 petang di mana perayu ada melihat

isterinya dan SP6 berada dalam rumah. Semasa pemeriksaan balas pula, perayu menyatakan dia tidak pernah merogol mangsa kerana keluar berniaga ayam dan hanya pulang pada jam 2.30 petang. Tiada penjelasan oleh perayu memandangkan tiada soalan pemeriksaan semula berkaitan isu ini.

[21] Saya bersetuju dengan Ali J (ketika itu) dalam kes Mahkamah Tinggi iaitu *Mohamed bin Kasdi v Public Prosecutor* [1969] 1 MLJ 135, di mana telah diputuskan bahawa:

> No hard and fast rule can be laid down for determining the credibility or otherwise of a witness, but when a witness gives or makes two statements which differ in material particulars there must necessarily be ground for believing that he is not a truthful witness.

[22] Maka, saya berpendapat bahawa percanggahan yang material ini, yang merupakan inti pati pembelaan perayu, tidak berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

Alibi

[23] Terdapat juga keterangan bagi menyokong alibi perayu dikemukakan semasa peringkat perbicaraan. Namun begitu, setelah diteliti rekod rayuan, tiada sebarang notis alibi dimasukkan dalam kes ini.

[24] Perayu semasa pemeriksaan balasnya menyatakan bahawa dia tidak pernah merogol mangsa kerana keluar berniaga ayam dan hanya pulang pada jam 2.30 petang. SD3 yang merupakan isteri perayu telah dipanggil untuk memberikan keterangan dan menyatakan bahawa:

> Suami balik kerja sekitar jam 2.00 petang tapi tak pernah balik pun jam 11.00–12.00 tengahari. Selepas makan dia keluar balik kerja.

[25] Saya telah pun mengupas dengan panjang lebar berkenaan isu pembelaan alibi ini dalam kes yang lain iaitu *Pendakwa Raya lwn Sukveer Singh a/l Bealdave Singh* [2015] MLJU 865; [2015] 7 CLJ 825; (2015) AMEJ 1201.

[26] Saya percaya adalah memadai dinyatakan di sini bahawa memandangkan tiada notis alibi dikemukakan kepada pihak pendakwa raya, maka pihak polis dinafikan hak untuk menyiasat kesahihan alibi tersebut terutama butiran di s 402A(4) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') tersebut dan oleh itu keterangan untuk menyokong alibi perayu melalui keterangan SD3 sewajarnya tidak boleh dipertimbangkan.

[27] Selain daripada itu, saya juga bersetuju dengan dapatan HMS yang telah menilai keterangan SD4 dan SD5 dan mendapati ia tidak langsung membantu pembelaan perayu.

DAPATAN MAHKAMAH BERKENAAN RAYUAN PERAYU TERHADAP SABITAN

[28] Berdasarkan kepada kesemua di atas, saya dengan ini menolak rayuan perayu terhadap sabitan.

RAYUAN PERAYU TERHADAP HUKUMAN

[29] Berkenaan dengan rayuan perayu terhadap hukuman, setelah mempertimbangkan keseluruhan faktor pemberat dan peringanan hukuman, dan juga setelah mempertimbangkan fakta kes ini, saya bersetuju dengan HMS bahawa hukuman penjara selama 14 tahun dan lapan sebatan rotan adalah setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh perayu.

[30] Faktor kepentingan awam (*R v Ball* (1951) 35 Cr App Rep 164, *Public Prosecutor v Loo Choon Fatt* [1976] 2 MLJ 256; [1976] 1 LNS 102 dan *Pendakwa Raya lwn Muhamad Abdul Rahim bin Adnan dan satu lagi* [2008] 7 MLJ 883; [2007] 9 CLJ 672), keseriusan dan kekerapan kes (*Ong Lai Kim v Public Prosecutor and other appeals* [1991] 3 MLJ 111, serta faktor bahawa SP6 merupakan seorang OKU dan mempunyai hubungan kekeluargaan dengan perayu juga diambil kira (*Public Prosecutor v William Ayau* [2005] 4 MLJ 328).

[31] Maka, rayuan perayu terhadap hukuman juga adalah ditolak.

KESIMPULAN

[32] Kesimpulannya, setelah meneliti keseluruhan rekod rayuan dan setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, adalah diputuskan bahawa:

(a) rayuan perayu terhadap sabitan adalah ditolak;

(b) rayuan perayu terhadap hukuman juga adalah ditolak;

(c) keputusan HMS iaitu sabitan terhadap pertuduhan dan hukuman penjara 14 tahun dan lapan sebatan rotan adalah dikekalkan; dan

(d) hukuman pemenjaraan bermula dari tarikh keputusan rayuan ini iaitu 4 Julai 2017.

A *Rayuan perayu ditolak; keputusan mahkamah sesyen dikekalkan.*

Dilaporkan oleh Ahmad Ismail Illman Mohd Razali

B

C

D

E

F

G

H

I